

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 MARCH 2015

Projek rumah PR1MA diperbanyak

Oleh SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH

pengarang@mingguan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 MAC

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan komited untuk terus membina lebih banyak rumah mampu milik di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dengan menawarkan harga yang lebih murah sekurang-kurangnya 20 peratus daripada harga pasaran.

Beliau berkata, permintaan yang sangat tinggi daripada orang ramai sehingga tujuh kali ganda daripada unit yang disediakan terhadap projek perumahan tersebut memerlukan kerajaan memperbanyakkan lagi konsep PR1MA di kawasan tumpuan utama seperti Putrajaya dan lain-lain.

"Saya berharap semua projek ini dapat berjalan dengan lancar dan apa yang menarik mengenai PR1MA ialah menggunakan konsep undi yang disahkan oleh juruaudit, KPMG, jadi tiada apa yang boleh dipersoalkan dalam proses integriti, cabutan dan pengesahan.

"Garis panduan yang diberikan untuk membina projek ini ialah mes-

Ini bererti harga setiap unit rumah terbabit masing-masing adalah 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran, selain itu sebaik sahaja dapat rumah ini mereka sudah untung, kalau RM150,000 dia untung RM50,000

**NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri**

ti dalam lingkungan harga mampu dibeli dan kedua mesti lebih rendah daripada harga pasaran sekurang-kurangnya 20 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis penyerahan kunci PR1MA Presint 11 di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Pengerusi PR1MA, Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis

dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Menurut Najib, projek perumahan PR1MA yang dibina di Presint 11 di sini merupakan projek pertama yang berjaya disiapkan sejak dilancarkan pada 2011.

Beliau berkata, projek tersebut yang menawarkan sebanyak 560 unit rumah yang berkualiti tinggi dibina melalui kerjasama awam swasta iaitu antara Putrajaya Holdings (PJH), PR1MA dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

"Perumahan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan, tadika dan tapak perniagaan. Sebanyak dua jenis unit kediaman ditawarkan iaitu unit berkeluasan 815 kaki persegi yang dijual pada harga RM120,000 dan unit berkeluasan 1,000 kaki persegi yang dijual pada harga RM150,000.

"Ini bererti harga setiap unit rumah terbabit masing-masing adalah 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran, selain itu sebaik sahaja dapat rumah ini mereka sudah untung, kalau RM150,000 dia untung RM50,000 kalau dalam masa lima hingga 10 tahun akan datang sudah tentu kadar kenaikannya lebih tinggi mengikut harga pasa-

ran," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berbangga kerana hasratnya untuk melihat projek tersebut siap dan menyerahkan sendiri kunci rumah kepada pemilik rumah tersebut tercapai.

Mengenai perumahan mampu milik di Putrajaya, katanya, selain 560 unit rumah PR1MA, PPj juga sedang membina sebanyak 6,672 unit kediaman di bawah Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) manakala sebanyak 12,352 unit lagi dalam perancangan.

"Ini bererti jika dicampur dengan kuarters kerajaan sebanyak 22,452 unit dan juga perumahan awam sebanyak 5,137 unit serta yang dalam pembinaan dan perancangan sebanyak 25,150 unit, maka tidak lama lagi kawasan Putrajaya bakal mempunyai sebanyak 67,186 unit rumah dan saya percaya akan memenuhi hampir semua permohonan rumah mampu milik di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, harga seunit rumah dalam PPA1M yang dijual pada harga RM90,000 hingga RM300,000 seunit lebih murah sebanyak 50 peratus jika dibandingkan dengan rumah berkeluasan sama di Cyberjaya.

UM - 8/3/2015